



DOI: [10.51377/azjaf.vol2no1.45](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no1.45)

KNOWLEDGE AND AWARENESS ON PERFORMING ZAKAT: INITIAL REVIEW AMONG THE BAJAU-SAMA TRIBE AT PANTAI BARAT SABAH

PENGETAHUAN DAN KESEDARAN MENUNAIKAN ZAKAT: TINJAUAN AWAL DI KALANGAN SUKU KAUM BAJAU-SAMA DI PANTAI BARAT SABAH

KASIM MANSUR (Prof. Datuk Dr.) (Corresponding author)
Dean of Faculty of Business, Economics & Accountancy, Universiti Malaysia
Sabah. E-mail: kmansur@ums.edu.my

ROZILEE ASID (Dr.)
Deputy Dean of Faculty of Business, Economics & Accountancy,
Universiti Malaysia Sabah. E-mail: rozilee@ums.edu.my

MOHD SAFRI SAIMAN
Senior Lecturer of Faculty of Business, Economics & Accountancy,
Universiti Malaysia Sabah. E-mail: safri@ums.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 1ST JUN 2020; REVISED – 14TH AUG. 2020; ACCEPTED – 11TH NOV. 2020)

ABSTRACT

This study is a survey of the knowledge and awareness of performing zakat obligation among the Bajau-Sama ethnic in the West Coast area, Sabah. Four areas are covered, which included Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu, and Papar, with a total of 324 respondents. This study uses a questionnaire as a primary data collection instrument, while for secondary sources, the data obtained via library references and literature studies on zakat from all aspects. Laws regarding zakat and its importance are quoted based on the main source, namely Al-Quran and As-Sunnah. Since this study is a preliminary survey, descriptive analysis is implemented in discussing the results of this study to provide justification for the notion that the collection of zakat in the state of Sabah is unsatisfactory. The survey

findings found that the overall level of respondents' understanding of zakat is low, while the understanding of zakat fitrah is at a high level. This study's main issue found that respondents are not sure what kind of zakat needs to be paid. In contrast, most do not understand the role of institutions responsible for zakat, such as Sabah Zakat Center and Baitul Mal.

Keywords: Zakat, Bajau-Sama, asnaf, Sabah, Majlis Agama Islam Sabah (MUIS)

ABSTRAK

Kajian ini adalah tinjauan terhadap aspek pengetahuan dan kesedaran menunaikan kewajipan berzakat di kalangan suku kaum Bajau-Sama di kawasan Pantai Barat, negeri Sabah. Empat Kawasan yang terlibat ialah Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu dan papar melibatkan 324 responden. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kutipan data primer manakala bagi sumber sekunder data yang diperolehi adalah melalui rujukan ke perpustakaan dengan melihat hasil kajian-kajian lepas mengenai zakat dari segenap aspek. Hukum-hukum mengenai zakat dan kepentingannya adalah diambil berdasarkan kepada sumber utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Memandangkan kajian ini merupakan tinjauan awal, maka analisa deskriptif dilaksanakan dalam membincangkan hasil dapatan kajian ini bagi memberikan justifikasi terhadap tanggapan bahawa kutipan zakat di negeri Sabah adalah kurang memuaskan. Dapatan tinjauan mendapati secara keseluruhannya tahap pemahaman responden tentang zakat secara adalah rendah, manakala pemahaman tentang zakat fitrah pula adalah pada tahap yang tinggi. Isu utama dalam kajian ini mendapati responden tidak pasti jenis zakat yang perlu ditunaikan. Manakala sebahagian besar tidak memahami peranan institusi yang bertanggungjawab tentang zakat seperti Pusat Zakat Sabah dan Baitul Mal.

Kata kunci: Zakat, Bajau-Sama, asnaf, Sabah, Majlis Agama Islam Sabah (MUIS)

PENGENALAN

Zakat dari segi bahasa adalah berasal dari perkataan Arab daripada kata dasar **'zaka'** yang membawa maksud penambahan atau penyucian. Ini dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwanya”
(Surah Asy-syams: 9).*

Selain itu, zakat juga merupakan salah satu daripada cabang ilmu ekonomi Islam yang terkandung didalam salah satu daripada rukun Islam yang wajib diamalkan. Oleh itu, Zakat diwajibkan keatas setiap umat Islam yang mampu dan berkeupayaan tanpa sebarang paksaan. maka persoalan mengenai soal paksaan tidak timbul dalam diri penganutnya kerana kesedaran agama dalam membangunkan ekonomi Islam telah bersatu dan menjadikan sistem ini jauh berbeza dengan sistem sekular yang wujud, sebagaimana firman Allah SWT:

“Sesungguhnya agama Islam ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku adalah tuhanmu, maka sembahlah aku” (Surah Al-anbiya: 92)

Sesungguhnya zakat berperanan sebagai pengimbang bagi menjamin keadilan sosial dengan cara merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dan yang memerlukan bantuan. Zakat juga merupakan satu bentuk pengagihan pendapatan oleh orang-orang yang berada kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan sekaligus meningkatkan taraf hidup penduduk dalam sesebuah negara (Abd. Aziz, 1993).

Di Sabah terdapat lebih daripada tiga puluh (30) suku kaum. Suku kaum Kadazan-Dusun merupakan yang terbesar diikuti oleh suku kaum Bajau-Sama. Suku kaum Bajau-Sama merupakan komuniti kedua terbesar di Sabah dan majoritinya adalah beragama Islam (Ranjit Singh, 2000). Berdasarkan kepada sumber sejarah, terdapat pelbagai teori telah dikemukakan tentang asal usul suku kaum Bajau-Sama. Ada berpendapat bahawa suku kaum Bajau-Sama ini berasal daripada Johor dan ada juga yang menyebutnya berasal dari selatan

Filipina (Ismaily Bungsu, 1995). Dengan mengambil kira perkerjaan mereka sebagai petani, nelayan, dan penunggang kuda. Sejak zaman penjajah sehingga kini suku kaum ini terlibat dengan sektor pertanian dan perikanan yang bersekala kecil dan mereka juga terlibat dengan aktiviti secara informal di pekan-pekan kecil dan kawasan bandar seperti Kota Kinabalu. Sekitar tahun-tahun 1960 dan 70an keterlibatan mereka juga terserlah dalam sektor awam termasuklah juga penglibatan mereka dalam pertubuhan yang berteraskan parti politik seperti USNO, BERJAYA, UMNO dan kini kerajaan diketuai parti WARISAN. Seperti dinyatakan diawal tadi bahawa hampir seratus peratus suku kaum ini adalah penganut agama Islam, Justeru kajian ini adalah wajar untuk menilai dan mengkaji tahap pemahaman dan pematuhan terhadap sumbangan kepada zakat dan institusi zakat khususnya di Sabah. Jika dilihat statistik pungutan zakat yang diperolehi di Sabah berada dalam keadaan yang sesuai dengan populasi kaum ini. Walaubagaimanapun, keadaan yang berlaku adalah sebaliknya yang mana hasil kutipan zakat di Sabah melalui MUIS adalah berada dalam keadaan yang kurang memuaskan iaitu sebanyak RM 2,234,820.74 bagi zakat fitrah dan RM 2,097,417.87 bagi zakat harta pada tahun 2001 berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (Dayangku Aslinah Abd Rahim *et al.*, 2017; Hairunnizam Wahid *et al.*, 2005). Kutipan zakat fitrah Sabah tahun 2019 ialah RM9,772.966.00 membabitkan seramai 1,396,138 pembayar. Jumlah itu meningkat 2.1 peratus berbanding 2018. Manakala kutipan zakat di Sabah tahun 2019 berjumlah RM85,608,989.96 termasuk kutipan zakat harta sebanyak RM75,836,023 (MUIS, 2020).

Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau tahap pengetahuan dan kesedaran dikalangan suku kaum Bajau-Sama di Sabah. Pada peringkat awal, lokasi kajian juga dikhususkan kepada kawasan Pantai Barat Sabah yang majoriti penduduk adalah berbangsa Bajau-Sama. Justeru itu, hasil kajian diperolehi dapat memberikan perspektif awal berkaitan fenomena kadar kutipan zakat di Sabah adalah berada tahap sebagaimana yang dilaporkan dalam statistik rasmi MUIS.

METODOLOGI DAN REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kutipan data primer yang diedarkan secara rawak bagi memberi

peluang ke atas setiap unsur menjadi sampel dalam populasi yang terlibat di 4 buah daerah tersebut. Bagi sumber sekunder data yang diperolehi adalah melalui rujukan ke perpustakaan dengan melihat hasil kajian-kajian lepas dan yang terbaru dilaksanakan mengenai zakat dari segenap aspek. Manakala hukum-hukum mengenai zakat dan kepentingannya adalah diambil berdasarkan kepada sumber utama yang tetap iaitu Al-Quran dan As-Sunnah.

Persampelan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di 4 buah daerah Pantai Barat Sabah yang majoriti penduduknya adalah Bajau-Sama, iaitu Kota Belud, Kota Kinabalu, Papar dan Tuaran. Sampel kajian juga adalah dipilih secara rawak bagi mendapatkan hasil yang tepat dan memenuhi objektif kajian. Borang soal selidik diedarkan melalui Ketua Kampung atau Penghulu, Imam, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada responden yang terpilih secara rawak melalui pemilihan yang dilakukan. Hasil kutipan data mendapati terdapat seramai 324 orang responden Berjaya diperolehi, iaitu 233 orang (71.9%) adalah lelaki dan 91 orang (28.1%) wanita.

Pengumpulan Data

Kutipan data kajian diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri dari 3 bahagian (A, B dan C) dalam Bahasa Melayu dan secara umumnya soalan adalah lebih bersifat pernyataan pendapat serta pemilihan jawapan berdasarkan soalan. Walaubagaimanapun, temu bual bebas yang dijalankan keatas responden adalah dengan menggunakan bahasa Bajau-Sama. Jadual 1 dibawah merupakan jumlah responden yang terlibat mengikut daerah yang dikaji.

Jadual 1: Jumlah Responden Mengikut Daerah

Daerah	Kekerapan	Peratus yang Sah	Peratus Kumulatif
Papar	54	16.7	16.7
Kota Kinabalu	120	37.0	53.7
Kota Belud	67	20.7	74.4
Tuaran	83	25.6	100.0
Jumlah	324	100.0	

Soal selidik dibahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merupakan merangkumi soalan-soalan yang merujuk kepada faktor demografi responden dan profil sosioekonomi seperti umur, taraf perkahwinan dan jumlah pendapatan. Bahagian B adalah merujuk kepada maklumbalas responden mengenai tahap kefahaman, pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap zakat secara umum seperti pengetahuan mengenai jenis zakat dan kesedaran mengenai kewajipan membayar zakat. Selain itu pengetahuan responden mengenai Pusat Pengagihan Zakat dan Peranan Baitul Mal juga diambilkira pada bahagian ini. Manakala Bahagian C lebih banyak merujuk kepada persoalan yang melibatkan masalah-masalah pembayaran zakat, khidmat pendidikan mengenai zakat yang diperlukan serta kaedah bayaran yang lebih sesuai digunakan dalam menunaikan zakat mengikut pilihan responden sendiri.

Bersesuaian dengan objektif kajian bagi mendapatkan hasil tinjauan awal, maka dapatan kajian dijelaskan mengikut aspek latar belakang responden, tahap pengetahuan dan kesedaran mereka serta masalah-masalah yang dihadapi dalam menunaikan zakat. Dalam bahagian seterusnya adalah hasil dapatan tinjauan yang diperolehi daripada sampel yang dipilih secara rawak.

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden

i. Umur dan Jantina

Berdasarkan kepada Jadual di bawah jika dilihat dari segi jantina kekerapan tertinggi responden yang terlibat adalah dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas iaitu seramai 83 orang bagi lelaki pada kadar 76.1% dan 26 orang bagi wanita pada kadar 23.9%. Walaubagaimanapun kajian ini lebih merujuk kepada golongan lelaki yang juga merupakan ketua keluarga atau ketua isi rumah.

Jadual 2: Umur dan Jantina Responden

Umur	Lelaki	Wanita	Jumlah
20 thn kebawah	2	-	2
21-25 thn	4	1	5
26-30 thn	9	9	18

31-35 thn	29	17	46
36-40 thn	23	15	38
41-45 thn	45	13	58
46-50 thn	37	9	46
50 thn keatas	83	26	109
Jumlah	232	90	322

ii. Status Perkahwinan dan Tanggungan

Status perkahwinan dan tanggungan responden seperti dalam Jadual 3 di bawah. Secara umumnya, majoriti responden yang terlibat adalah berkahwin dan mempunyai tanggungan di antara 2 hingga 6 orang. Terdapat 42 responden yang telah berkahwin dengan 5 orang tanggungan, manakala bagi yang masih bujang tanpa tanggungan seramai 15 responden. Bagi golongan janda kekerapan tertinggi adalah pada 1 tanggungan iaitu sebanyak 4 responden dan bagi duda kekerapan tertinggi adalah pada 1 dan 4 tanggungan iaitu masing-masing pada kadar kekerapan sebanyak 3. Secara kumulatifnya, kekerapan tertinggi bagi tanggungan responden adalah pada 3 orang tanggungan iaitu sebanyak 47 kekerapan.

Jadual 3: Status Perkahwinan dan Tanggungan Responden

Tanggungan	bujang	berkahwin	janda	duda	Jumlah
0	15	15	1		31
1	2	9	4	3	18
2	1	31	2	1	35
3	3	40	3	1	47
4	2	33	1	3	39
5	2	42	2	-	46
6	1	32	-	1	34
7	3	28	2	1	34
8	2	14	1	-	17
9	-	7	1	1	9
10	-	11	-	-	11
11	-	1	-	-	1
Jumlah	31	263	17	11	322

iii. Pekerjaan dan Pendapatan Bulanan

Majoriti responden yang terlibat sebagai sampel mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM685 sebulan. Manakala bagi jenis pekerjaan pula, kebanyakan responden bekerja sebagai kakitangan kerajaan iaitu seramai 156 dan tahap pendapatan pada tingkat pendapatan RM 686 hingga RM1370 sebulan.

Jadual 4 : Pendapatan Bulanan

Pendapatan	1	2	3	4	5	6	3+4	Jumlah
< drp RM 685	23	36	15	3	32	19	1	129
RM 686 - RM1370	6	3	73	2	11	3	1	99
RM1371-RM1800	-	-	35	1	-	4	-	40
RM1801-RM2500	-	-	18	-	-	-	-	18
RM2501-RM3000	-	-	7	-	-	1	-	8
RM3001-RM3500	-	-	3	-	-	-	-	3
RM3501-RM4000	-	-	3	-	-	1	-	4
RM4001-RM4500	-	-	1	1	-	-	-	2
RM4501-RM5000	-	-	1	-	-	-	-	1
Jumlah	29	39	156	7	43	28	2	304

Nota: 1 Digit:1-Tidak Berkerja

2-Petani/Nelayan

3-Kakitangan Kerajaan

4-Peniaga/Peruncit/Pemborong

5-Kerja Sendiri

6-Lain-lain

2 Digit: Gabungan daripada 2 Perkerjaan Diatas, contoh: 3+4

Dapatan Hasil Tinjauan

i. Pengetahuan Tentang Baitul Mal

Umumnya masih ramai yang tidak mengetahui peranan Baitul Mal berbanding mereka yang mengetahui tentangnya. Ini dapat dilihat pada kekerapan dan peratusan golongan yang menjawab Tidak dan Tidak Pasti lebih ramai berbanding Ya iaitu sebanyak 57.1% berbanding 35.8%.

Jadual 5: Baitul Mal dan Peranannya

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	102	31.5	33.9	33.9
tidak	116	35.8	38.5	72.4
tidak pasti	83	25.6	27.6	100.0
Jumlah	301	92.9	100.0	
Tidak Diketahui	23	7.1		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

ii. Pengetahuan Tentang 8 Asnaf


Analisis mendapati kebanyakan responden yang terlibat tahu tentang 8 golongan yang layak menerima zakat iaitu 72.5% berbanding yang tidak mengetahui mengenainya sebanyak 23.5%.

Jadual 6 : Pengetahuan Mengenai 8 Asnaf

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	235	72.5	75.6	75.6
tidak	76	23.5	24.4	100.0
Jumlah	311	96.0	100.0	
Tidak Diketahui	13	4.0		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Rajah 1 menunjukkan pertembungan. Jadual bagi pengetahuan mengenai Baitul Mal dan 8 asnaf yang menerima zakat. Hasil kajian menunjukkan seramai 90 responden yang mengetahui peranan Baitul Mal dan 8 Asnaf tersebut. Manakala 66 responden lagi tidak mengetahui mengenai Baitul Mal tetapi tahu tentang 8 asnaf yang terlibat dan 64 responden lagi tidak pasti mengenai Baitul Mal tetapi tahu tentang 8 asnaf yang layak menerima zakat. Seterusnya 7 responden tidak mengetahui tentang 8 asnaf yang terlibat tetapi tahu

tentang Baitul Mal, 48 responden lagi tidak mengetahui tentang kedua-duanya dan 18 responden lagi tidak pasti mengenai Baitul Mal dan tidak mengetahui tentang asnaf yang terlibat. Berdasarkan tinjauan ini, data mencadangkan bahawa secara umumnya responden mempunyai pengetahuan dan kefahaman berkaitan peranan Baitul Mal dan mereka yang layak sebagai penerima zakat



Rajah 1: Pengetahuan tentang Baitul Mal dan Penerima Zakat (8 asnaf)

iii. Pengetahuan Tentang Pusat Zakat

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden tidak mengetahui mengenai Pusat Zakat. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual dibawah iaitu hanya 24.4% sahaja (79 responden) yang mengetahui tentang Pusat zakat berbanding 67.9% (220 responden) yang tidak mengetahui mengenainya.

Jadual 7: Pengetahuan Mengenai Pusat Zakat (PZ)

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	79	24.4	26.4	26.4
tidak	220	67.9	73.6	100.0
Jumlah	299	92.3	100.0	
Tidak Diketahui	25	7.7		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

iv. Pengetahuan Tentang Pengiraan Zakat Fitrah


Bagi pengetahuan mengenai zakat fitrah, kajian mendapati kebanyakan responden mengetahui tentang hal ini. Jadual dibawah menunjukkan responden yang menjawab Ya adalah lebih ramai berbanding yang menjawab tidak iaitu 60.2% berbanding 26.2%. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai zakat fitrah.

Jadual 8: Pengetahuan Tentang Pengiraan Zakat Fitrah

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	195	60.2	69.6	69.6
tidak	85	26.2	30.4	100.0
Jumlah	280	86.4	100.0	
Tidak Diketahui	44	13.6		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Rajah 2 di bawah menunjukkan sebanyak 50 responden tahu mengenai Pusat Zakat dan pengiraan zakat fitrah, 128 responden lagi tahu mengenai Pusat Zakat tetapi tidak mengetahui pengiraan zakat fitrah. Manakala seramai 137 responden lagi tidak mengetahui

mengenai Pusat Zakat tetapi mengetahui cara pengiraan zakat fitrah dan 58 responden lagi tidak mengetahui mengenai kedua-duanya.



Rajah 2: Pengetahuan Mengenai Zakat Fitrah dan Pengagihan Zakat Oleh PZ

v. Pengetahuan Tentang perbezaan zakat dan cukai

Jadual 9 menunjukkan jumlah responden yang mempunyai pengetahuan tentang perbezaan zakat dan cukai adalah hampir setara, walaubagaimanapun jumlah responden yang tidak mengetahui perbezaan tersebut lebih ramai iaitu seramai 151 responden (46.6%) berbanding 126 (38.9%) yang mengetahui perbezaan tersebut.

Jadual 9: Pengetahuan Tentang perbezaan zakat dan cukai

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	126	38.9	45.5	45.5
tidak	151	46.6	54.5	100.0
Jumlah	277	85.5	100.0	
Tidak Diketahui	47	14.5		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

vi. Pengetahuan Tentang Pengiraan zakat harta

Kajian mendapati pada Jadual 10 dibawah kebanyakan responden tidak menjawab soalan pada bahagian ini. Oleh itu ia dikategorikan sebagai tidak diketahui dengan andaian responden tidak mengetahui langsung mengenai pengiraan zakat harta yang disenaraikan iaitu sebanyak 263 responden (81.2%) berbanding yang mengetahui mengenai pengiraan zakat harta iaitu sebanyak 61 responden (18.8%).


Jadual 10: Pengetahuan Tentang Pengiraan zakat harta

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
1	7	2.2	11.5	11.5
2	9	2.8	14.8	26.2
3	11	3.4	18.0	44.3
4	1	.3	1.6	45.9
5	4	1.2	6.6	52.5
6	1	.3	1.6	54.1
7	12	3.7	19.7	73.8
8	1	.3	1.6	75.4
1+5+8	4	1.2	6.6	82.0
1+4	4	1.2	6.6	88.5
1+8	2	.6	3.3	91.8
2+8	1	.3	1.6	93.4
3+7	1	.3	1.6	95.1
3+8	2	.6	3.3	98.4
3+5+7	1	.3	1.6	100.0
Jumlah	61	18.8	100.0	
Tidak Diketahui	263	81.2		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Nota: 1 digit : 1 – Emas dan Perak
 2 – Hasil Pertanian
 3 – Pendapatan Gajian
 4 – Saham
 5 – Simpanan
 6 – Perniagaan

- 7 – Pendapatan
- 8 – Binatang Ternakan
- 2 digit: Gabungan daripada pengiraan dua Zakat yang diketahui, contoh: 3+7
- 3 digit: Gabungan daripada pengiraan tiga Zakat yang diketahui, contoh: 3+5+7

Rajah 3 di bawah menunjukkan pertembungan Jadual 9 dan 10 menunjukkan jumlah responden yang mengetahui mengenai jenis-jenis zakat harta yang disenaraikan serta perbezaannya dengan cukai dan sebaliknya. Jumlah responden yang mengetahui jenis zakat harta dan perbezaannya dengan cukai serta jumlah responden yang tidak mengetahui mengenai kedua-duanya adalah hampir setara.



- Nota: 1 digit: 1 – Emas dan Perak
 2 – Hasil Pertanian
 3 – Pendapatan Gajian
 4 – Saham

- 5 – Simpanan
 - 6 – Perniagaan
 - 7 – Pendapatan
 - 8 – Binatang Ternakan
- 2 digit: Gabungan daripada pengiraan dua Zakat yang diketahui, contoh: 3+7
- 3 digit: Gabungan daripada pengiraan tiga Zakat yang diketahui, contoh: 3+5+7

Rajah 3: Pengetahuan Tentang Zakat Harta dan Perbezaan Terhadap Cukai

Kesedaran Mengenai Zakat

i. Pembayaran Zakat

Kajian mendapati kebanyakan responden mempunyai kesedaran tentang pembayaran zakat. Ini dapat dilihat pada Jadual di bawah iaitu seramai 279 responden (86.1%) membayar zakat, manakala 28 responden (8.6%) lagi tidak membayar zakat dan 9 responden (2.8%) membayar zakat sekali-sekala.

Jadual 11: Kesedaran Tentang Pembayaran Zakat

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	279	86.1	88.3	88.3
tidak	28	8.6	8.9	97.2
sekali-sekala	9	2.8	2.8	100.0
Jumlah	316	97.5	100.0	
Tidak Diketahui	8	2.5		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

ii. Pembayaran Zakat Harta

Kajian mendapati pada Jadual 12 dibawah kebanyakan responden tidak menjawab soalan pada bahagian ini. Oleh itu ia dikategorikan sebagai tidak diketahui dengan andaian responden tidak membayar zakat harta yang disenaraikan iaitu sebanyak 241 responden (74.4%)

berbanding yang membayar zakat harta iaitu sebanyak 83 responden (25.6%).

Jadual 12: Kesedaran Tentang Pembayaran zakat harta

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
1	2	.6	2.4	2.4
2	17	5.2	20.5	22.9
3	28	8.6	33.7	56.6
4	2	.6	2.4	59.0
5	9	2.8	10.8	69.9
6	2	.6	2.4	72.3
7	16	4.9	19.3	91.6
8	2	.6	2.4	94.0
3+7	3	.9	3.6	97.6
2+5	2	.6	2.4	100.0
Jumlah	83	25.6	100.0	
Tidak Diketahui	241	74.4		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Nota: 1 digit : 1 – Emas dan Perak

2 – Hasil Pertanian

3 – Pendapatan Gajian

4 – Saham

5 – Simpanan

6 – Perniagaan

7 – Pendapatan

8 – Binatang Ternakan

2 digit: Gabungan daripada pengiraan dua Zakat yang diketahui, contoh: 3+7

iii. Pembayaran Zakat Fitrah


Analisis kajian mendapati berdasarkan Jadual 13 dibawah kebanyakan responden membayar zakat fitrah. Ini dijelaskan melalui jawapan responden yang menjawab Ya adalah lebih ramai berbanding yang

menjawab tidak iaitu 90.7% berbanding 7.1%. secara keseluruhannya menunjukkan kebanyakan responden mempunyai tahap kesedaran yang baik mengenai pembayaran zakat fitrah.

Jadual 13 : Kesedaran Tentang Pembayaran zakat fitrah

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
Ya	294	90.7	92.7	92.7
Tidak	23	7.1	7.3	100.0
Jumlah	317	97.8	100.0	
Tidak Diketahui	7	2.2		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Rajah di bawah menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih memfokuskan kepada pembayaran zakat pendapatan gajian, pendapatan bebas dan hasil pertanian. Walaubagaimanapun angka responden yang membayar zakat harta ini sebenarnya adalah masih agak kecil.




Pembayaran Zakat

- Nota: 1 digit :
- 1 – Emas dan Perak
 - 2 – Hasil Pertanian
 - 3 – Pendapatan Gajian
 - 4 – Saham
 - 5 – Simpanan
 - 6 – Perniagaan
 - 7 – Pendapatan Bebas
 - 8 – Binatang Ternakan

2 digit: Gabungan daripada pengiraan dua Zakat yang diketahui, contoh : 3+7

Rajah 4: Kesedaran Tentang Pembayaran Zakat Harta

Rajah di bawah menunjukkan hasil pertembungan Jadual pembayaran zakat dan pembayaran zakat fitrah. Rajah jelas menunjukkan jumlah responden membayar zakat fitrah berbanding yang tidak membayar dan membayar sekali-sekala adalah lebih tinggi. Walaubagaimanapun terdapat juga responden dalam jumlah yang kecil tidak membayar zakat fitrah tetapi membayar lain-lain jenis zakat.



Rajah 5: Kesedaran tentang Pembayaran Zakat Fitrah

iv. Kelayakan Membayar

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden sedar tentang kelayakan mereka membayar zakat. Jadual dibawah menjelaskan kekerapan responden yang menjawab Ya iaitu 200 kekerapan (61.7%) lebih tinggi berbanding yang menjawab Tidak sebanyak 47 kekerapan (14.5%) dan Tidak Pasti sebanyak 63 kekerapan (19.4%).

Jadual 14: Kesedaran Tentang Kelayakan Membayar

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	200	61.7	64.5	64.5
tidak	47	14.5	15.2	79.7
tidak pasti	63	19.4	20.3	100.0
Jumlah	310	95.7	100.0	
Tidak Diketahui	14	4.3		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

v. Medium Bayaran

Kajian menunjukkan kebanyakan responden menggunakan medium ke-2 bagi menunaikan zakat. Ini dijelaskan melalui Jadual 15 di bawah yang mana jumlah responden yang membayar menggunakan medium bayar sendiri lebih ramai berbanding responden yang menggunakan potongan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), lain-lain ataupun kedua-dua medium pertama dan kedua.

Jadual 15 : Kesedaran Tentang Medium Bayaran

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
1	17	5.2	7.0	7.0
2	212	65.4	86.9	93.9
3	12	3.7	4.9	98.8
1+2	3	.9	1.2	100.0
Jumlah Tidak Diketahui	244 80	75.3 24.7	100.0	
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		


Nota: 1 digit: 1-Potongan LUTH

2-Bayar Sendiri

3-Lain-lain

2 digit: Gabungan daripada dua jenis medium pembayaran yang digunakan, contoh: 1+2

Rajah 6 menunjukkan hasil gabungan bagi Jadual 14 dan 15 yang menerangkan keadaan responden mempunyai kesedaran dari segi kelayakan membayar zakat dan penggunaan medium bayaran. Kebanyakan responden iaitu seramai 302 responden menggunakan membayar sendiri zakat sebagai medium utama, manakala bagi medium lain kurang diutamakan atau digunakan.



Rajah 6: Kesedaran Mengenai Medium Bayaran dan Kelayakan Membayar Zakat

vi. Penyerahan Bayaran

Daripada Jadual di bawah jelas menunjukkan kebanyakan responden membuat penyerahan bayaran kepada MUIS iaitu seramai 191 responden (59%). Selain itu terdapat juga responden yang membuat penyerahan bayaran terus kepada fakir miskin iaitu sebanyak 48 responden (14.8%), keluarga terdekat sebanyak 19 responden (5.9%) serta lain-lain sebanyak 13 responden (4%). Selebihnya membuat gabungan penyerahan bayaran. Walaubagaimanapun jumlah responden yang membuat dua penyerahan bayaran ini adalah dalam jumlah yang kecil.

Jadual 16 : Kesedaran Tentang Penyerahan bayaran zakat

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
1	191	59.0	69.7	69.7
2	19	5.9	6.9	76.6
3	48	14.8	17.5	94.2
4	13	4.0	4.7	98.9
2+3	1	.3	.4	99.3
1+3	2	.6	.7	100.0
Jumlah	274	84.6	100.0	
Tidak Diketahui	50	15.4		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Nota: 1 Digit: 1-MUIS

2-Keluarga terdekat

3-Fakir miskin

4-Lain-lain

2 Digit: Gabungan daripada dua jenis penyerahan bayaran yang dilaksanakan, contoh: 1+3

vii. Kewajipan Zakat


Hasil kajian mendapati kebanyakan responden menjawab Ya iaitu seramai 265 responden (81.8%) berbanding responden yang menjawab Tidak iaitu seramai 46 responden (14.2%). Ini menerangkan lebih daripada separuh responden yang terlibat adalah memahami dan mempunyai kesedaran tentang kewajipan menunaikan zakat.

Jadual 17 : Kesedaran Tentang kewajipan zakat

	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
ya	265	81.8	85.2	85.2
tidak	46	14.2	14.8	100.0
Jumlah	311	96.0	100.0	

Tidak Diketahui	13	4.0
Jumlah Keseluruhan	324	100.0

Rajah dibawah menerangkan mengenai hasil gabungan Jadual 16 dan 17 yang menunjukkan tentang kesedaran responden mengenai kewajipan zakat dan ke mana zakat tersebut dibayar oleh responden mengikut cara mereka. Secara umumnya Rajah menunjukkan responden yang memahami kewajipan zakat kebanyakannya menyerahkan bayaran kepada MUIS. Walau bagaimanapun responden yang tidak memahami kewajipan zakat juga menunjukkan kekerapan tertinggi pada penyerahan bayaran melalui MUIS. Fenomena ini seolah-olah menunjukkan responden sebenarnya sungguhpun tidak memahami kewajipan zakat tetapi terikat kepada peraturan.



Rajah 7: Kesedaran Tentang Penyerahan Bayaran dan Kewajipan Zakat.

Masalah Pembayaran Dan Pendidikan Zakat Yang Diperlukan

i. Masalah Pembayaran Yang Wujud

Berdasarkan kepada hasil yang diperolehi kajian menunjukkan kebanyakan responden menyatakan yang mereka kurang pasti jenis zakat yang harus dibayar serta kurang mendapat publisiti daripada Majlis Ugama Islam mengenai zakat. Ini dapat dilihat menerusi Jadual 18 dibawah yang mana kebanyakan responden memilih masalah 2 dan 3 sebanyak 40 responden (12.3%) dan 77 responden (23.8%) serta gabungan bagi kedua-dua masalah iaitu 2+3 seramai 20 responden (6.2%).

Jadual 18: Masalah Pembayaran

Masalah	Kekerapan (n)	Peratusan (%)	Peratusan yang Sah (%)	Peratusan Kumulatif (+)
1	10	3.1	5.5	5.5
2	40	12.3	22.1	27.6
3	77	23.8	42.5	70.2
4	12	3.7	6.6	76.8
1+2	7	2.2	3.9	80.7
1+3	3	.9	1.7	82.3
2+3	20	6.2	11.0	93.4
2+4	1	.3	.6	93.9
1+2+3	9	2.8	5.0	98.9
1+2+4	1	.3	.6	99.4
2+3+4	1	.3	.6	100.0
Jumlah	181	55.9	100.0	
Tidak Diketahui	143	44.1		
Jumlah Keseluruhan	324	100.0		

Nota: 1 digit : 1 – Tiada kemudahan tempat pembayaran zakat

2 – Kurang publisiti daripada MUIS

3 – Tidak pasti jenis zakat dan jumlah yang perlu dibayar

4 – Lain-lain

2 digit: Gabungan daripada dua masalah yang dipilih, contoh:

1+2

Perbincangan

Daripada kajian yang dibuat, didapati secara umumnya berdasarkan kepada sampel menunjukkan masyarakat Bajau-Sama di sekitar Pantai Barat Sabah mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran tentang zakat. Ini dapat dijelaskan melalui pengetahuan mereka terhadap pengiraan zakat fitrah yang menunjukkan penduduk di sekitar 113ulfilm yang terlibat peka dengan perubahan kadar zakat fitrah yang menyebabkan mereka memahami tentang pengiraan jenis zakat ini. Manakala dari segi kesedaran pula menunjukkan yang penduduk menyedari tentang kewajipan dan pembayaran zakat serta kelayakan mereka untuk membayar zakat.

Walaupun bagaimanapun tahap pengetahuan kesedaran masyarakat Bajau-Sama di sekitar 113ulfilm ini sebenarnya masih berada dalam tahap yang kurang memuaskan berdasarkan kepada kutipan zakat oleh MUIS (2001) yang mana kuitipan zakat lebih kepada zakat fitrah sahaja. Keadaan sebenar yang dapat dijelaskan adalah tahap pengetahuan dan kesedaran penduduk di sekitar Pantai Barat ini adalah lebih merujuk kepada zakat fitrah sahaja. Bukti ini dapat dilihat menerusi dapatan tinjauan yang terlibat seperti tahap pengetahuan mereka mengenai zakat harta dari segi pengiraan dan pembayarannya, Pusat Zakat, Baitul Mal, medium bayaran, dan penyerahan bayaran.

Bagi zakat harta, jumlah responden yang membayar zakat harta adalah sangat kecil iaitu sebanyak 83 responden (25.6%) daripada 324 responden yang terlibat, begitu juga dengan pemahaman mereka mengenai pengiraan zakat harta yang kelihatan agak lemah iaitu hanya 61 responden (18.8%) sahaja yang mempunyai pengetahuan terhadap pengiraan zakat harta. Seterusnya bagi pengetahuan mengenai Baitul Mal dan Pusat Zakat pula kebanyakan responden tidak mengetahui peranan dan fungsi kedua-dua institusi ini. Keadaan ini menyebabkan proses pungutan zakat semakin kurang efisien dan tidak begitu efektif. Bagi Baitul Mal hanya 102 responden (31.5%) sahaja yang mengetahui tentang fungsi dan peranannya dan selebihnya pula adalah tidak mengetahui dan kurang pasti mengenai institusi ini. Manakala pengetahuan responden mengenai Pusat Zakat adalah sangat sedikit dan hanya 79 responden (24.4%) daripada 324 responden yang terlibat mengetahui mengenainya. Ini salah satu dapatan yang menjelaskan mengapa jumlah kutipan zakat selain zakat

fitrah yang dilakukan di Sabah lebih rendah berbanding lain-lain negeri disebabkan penduduk tidak mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kedua-dua fungsi institusi ini. Dapatan ini juga konsisten dengan kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan kesederan pembayaran zakat khususnya di negeri Sabah (Hairunnizam Wahid *et al.*, 2005).

Ketidakpastian mengenai kedua-dua institusi ini juga menyebabkan masyarakat Bajau-Sama menggunakan lain-lain medium bagi membayar zakat dan menyerahkan penyerahan zakat tersebut secara terus kepada 8 asnaf yang memerlukan tanpa melalui saluran yang betul seperti melalui MUIS dan lain-lain institusi yang menguruskan mengenai zakat. Seterusnya kajian juga menerangkan masalah utama bagi responden dalam menunaikan zakat adalah ketidakpastian mengenai jenis zakat yang harus dibayar serta kurang mendapat publisiti mengenai zakat daripada media massa (Kasim Hj. Mansur. 2009). Oleh itu hasil tinjauan dari kajian ini menjustifikasikan data yang diperolehi oleh pihak MUIS mengenai kutipan zakat yang dilakukan.

KESIMPULAN

Umumnya masyarakat Bajau-Sama di sekitar 114ulfilm Pantai Barat Sabah ini mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai zakat. Namun, tahap pengetahuan dan kesedaran yang diperolehi tersebut masih berada pada tahap yang rendah. Tambahan pula keadaan mereka yang kurang peka dengan kewujudan institusi-institusi seperti Baitul Mal dan Pusat Pengagihan Zakat yang berfungsi bagi melicinkan operasi pungutan zakat menyebabkan kadar kutipan zakat menjadi rendah dan pemahaman mereka hanya berkisar kepada zakat fitrah sahaja. Oleh itu, langkah-langkah untuk memberikan maklumat mengenai fungsi dan peranan institusi yang berkaitan dengan zakat ini haruslah dipertingkatkan disamping memberikan pengetahuan yang mencukupi kepada masyarakat ini agar pengetahuan mereka terhadap zakat tidak hanya merujuk kepada zakat fitrah sahaja.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Muhammad. (1993). *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Abu Bahili An Nahli. (1995). *Sikap Islam Terhadap Orang-Orang Musyrik*. Edisi Pertama. Jakarta. Perniagaan Jahabersa.
- Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ats. Penterjemah : H. Bey Ariffin, A. Syinqithy Djamaluddin. (1993). *Tarjamah Sunan Abi Daud*. Cetakan Pertama. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur. Victory Agencie.
- Abu Hussein Muslim bin Hajjaj Al-Qusyairi An-naisaburi. Penterjemah : KH. Adib Bisri Musthofa. (1994). *Tarjamah Shahib Muslim*. Cetakan Pertama. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur. Victory Agencie.
- Afzal-Ur-Rahman. penterjemah: Zaharah Salleh. (1991). *Doktrin Ekonomi Islam*. Edisi Pertama. Jilid 3. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tafsir Al-qurannul Karim*. (1979). Edisi Ke-2. Petaling Jaya. Pustaka Antara.
- Azhar Hj. Mad Aros. Azharuddin Mohd. Dali. Arba'iyah Mohd.Noor. Salina Hj Zainol. (2000). *Titas Kertas 1*. Shah Alam. /-0Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah (Sabah Statistic Yearbook)*. (2001). Kota Kinabalu. Jabatan perangkaan Sabah. Negeri Sabah.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah (Sabah Statistic Yearbook)*. (2000). Kota Kinabalu. Jabatan perangkaan Sabah. Negeri Sabah.
- Chin Siew Wui. Khor Seng Chye. Goh Choon Booy. Poh Ah Hai. (1994). *Matematik STPM (Statistik)*. Johor Bahru. Pelangi Sdn.Bhd.
- Choiruddin Hadhiri SP. (1996). *Klasifikasi kandungan Al-quran*. Kuala Lumpur. Syarikat S. Abdul Majeed.
- Damodar N. Gujarati. *Basic Econometrics*. (2002). Fourth Edition. New York. McGraw-Hill Companies. Inc.
- Dayangku Aslinah Abd Rahim, Kasim Mansur, Sidah Idris. (2017). Zakat di Sabah: Potensi dan Cabaran. *Dalam Najahudin Lateh, Mubamad Rahimi Osman & Ghafarullahbuddin Din Isu-isu Kontemporari dalam zakat, wakaf dan filantropi Islam*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM. ISBN 9789670171791

- Gareth R. Jones. Jennifer M. George. Charles W.L. Hill. (2000). *Contemporary Management*. Second Edition. Boston. McGraw Hill.
- H. Hadari Nawawi. H.M. Martini Hadari. *Instrumen Penelitian Bidang Sosial*. (1992). Yogyakarta. Gadjah Mada University Press.
- Hatta Sidi. Mohamed Hatta Shaharom. Ramli Hassan. (1999). *Seksualiti Manusia keharmonian antara jantina*. cetakan pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Nawawi. Penterjemah: M. Abdaf Rathomy. (1994). *Riyadbus Shalihin*, Edisi PN. Cetakan Ketiga. Singapura. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ismaily Bungsu. (1995). *Warna Budaya*, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah-Malaysia.
- Jaafar Muhamad. (1993). *Asas Pengurusan Perniagaan*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- James A. Black. Dean J. Champion. Penterjemah: E. Koeswara. Dira Salam. Alfin Ruzhendi. (1992). *Metode dan Masalah Penelitian Sosial*. Bandung. PT Eresco.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasim Hj. Mansur. (2009). Tahap Kesedaran Masyarakat Islam Terhadap Zakat dan Institut Zakat di Kunak, Sabah. *Konferensi Antarauniversiti Se Borneo-Kalimantan*. 11 Jun 2009
- Hairunnizam Wahid, MA Mohd Noor, S Ahmad. (2005). Kesedaran membayar zakat: Apakah faktor penentunya? *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 2005
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, MA Mohd Noor. (2006). Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Journal Islamiyyat*. Volume 29, p.53-70
- Laporan Tabunan Jabatan Hasil Dalam Negeri*. (1995). Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- Laporan Tabunan Syarikat Takaful Malaysia*. (2001). Syarikat Takaful Malaysia.
- Lau Too Kya. Zainuddin Awang. (2001). *Statistik Asas UITM*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Malik bin Nabi. Penterjemah: Afif Muhammad. (1987). *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung. Mizan (IKAPI).

- Masri Singarimbun. Sofian Effendi. (1989). *Metode Penelitian Survei*. Jakarta. Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi Sosial.
- Muhammad Abdul Mannan. Penterjemah: Radiah Abdul Kader. (1994). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. Cetakan ke-2. Kuala Lumpur. A.S. Noordeen.
- Mohammad Isa bin Surah At-Tirmizi. Penterjemah: H. Moh. Zuhri. (1993). Tarjamah *Sunan At-Tirmizi*. Cetakan Pertama. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur. Victory Agencie.
- Muhammad Abdul Rauf. Penterjemah: Padillah Haji Ali. (1994). *Ummah Negara Islam*. Cetakan Pertama (Edisi Bahasa Melayu). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Hasbi Ash Shiddieqy. (1989). *Pedoman Zakat*. Cetakan Pertama (Malaysia). Shah Alam. Thinker's Library sdn bhd.
- Muhammad Kamal 'atiyah. penterjemah: Mohd Ghazali Abd Wahid. (1992). *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Kamal 'atiyah. penterjemah: Mohd Nor Ngah. (1995). *Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MUIS (2020). *Bahagian Zakat dan Fitrah Sabah*.
- Mustafa Haji Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Mustapa Embin. Zaidan Hj Abdul Wahab. (1993). *Ekonomi Asas Tingkatan 4*. Kuala Lumpur. Gazzara sdn bhd.
- Panduan Pengiraan Ibadah zakat*. (2003). Bahagian Baitul Mal / Zakat. Majlis Ugama Islam Sabah. 1424H – 2003 M.
- Rafiqah Dahali. (2020). Dua kadar zakat fitrah di Sabah. *BH online*, 20 April, 2020
- Ranjit Singh, D.S, (2000). *The Making of Sabah 1865-1941*. University of Malaya Press.
- Sheridan J. Coakes. Lyndall G. Steed. (2001). *SPSS Analysis Without Anguish*. Brisbane. Australia. John Wiley & Sons.Ltd.
- Sobri Salamon. (1984). *Bank Islam*. Cetakan Pertama. Petaling Jaya. Polygraphic Sdn Bhd.
- Surtahman Kastin Hasan. (1990). *Ekonomi Islam*. Cetakan Pertama. Bangi UKM.

- Toshikazu Hayashi. penterjemah: Yusof Ismail. (1995). *Perakaunan Islam Impaknya terhadap Perakaunan barat*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf Al-Qaradhawi. Penterjemah: Samson Rahman. (2001). *Islam abad 21*. Jakarta. Pustaka Al-Kautsar
- Zulkifli Ahmad. Mohd Yusoff Ismail. (1998). *Pendidikan Syariah Islamiyah*. Cetakan Kedua. Ipoh. Pustaka Media Jaya.